

**Sel. P.U. 66.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHAN RAYA (MAJLIS  
BANDARAYA PETALING JAYA) 2007**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA**

4. Larangan ke atas pameran iklan pilihan raya
5. Permohonan untuk permit
6. Bentuk dan jangka masa permit
7. Daftar permit
8. Pengalihan iklan pilihan raya selepas hari mengundi
9. Pengalihan iklan pilihan raya oleh Datuk Bandar
10. Pelucutahan deposit
11. Cara mempamerkan iklan pilihan raya
12. Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihan raya di tempat tertentu

**BAHAGIAN III**

**PENGUATKUASAAN**

13. Kuasa penangkapan
14. Kuasa menyita

Undang-  
undang  
Kecil

15. Penalti am
16. Pendakwaan
17. Pengkompaunan kesalahan
18. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
19. Pembatalan dan peruntukan peralihan

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHAN RAYA (MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya Petaling Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

#### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

###### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007**.
- (2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

###### **Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

###### **Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“hari mengundi” berhubungan dengan sesuatu pilihan raya, ertiya tempoh yang mungkin berlanjutan selama satu hari atau lebih, yang bermula dari permulaan hari pemungutan undi dalam pilihan raya itu dijadualkan untuk dimulakan dan yang berakhir pada masa perisytiharan keputusan pilihan raya itu oleh pegawai pengurus;

“iklan pilihan raya” termasuklah apa-apa iklan, risalah, brosur, bendera, mural, panji-panji, sepanduk, tetunggul, poster, pelekat, surat sebaran, label, apa-apa hebahan berbentuk elektronik, sistem siar raya, pembesar suara, menggunakan apa-apa alat muzik atau apa-apa bentuk papan iklan sementara yang dipamerkan sebagai atau bagi maksud diayah politik;

“Majlis” ertiya Majlis Bandaraya Petaling Jaya;

“parti politik” mempunyai erti yang sama dalam Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335];

“permit” ertiya permit untuk mempamerkan iklan pilihan raya yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 5;

“pilihan raya” ertinya suatu pilihan raya bagi memilih seorang ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri;

“tempoh berkempen” berhubung dengan sesuatu pilihan raya, ertinya tempoh mana-mana calon atau ejen pilihan rayanya dibenarkan mengadakan kempen pilihan raya di dalam bahagian pilihan raya calon itu, iaitu tempoh yang bermula dari masa pegawai pengurus mengisyiharkan bahawa suatu pengundian akan dijalankan di dalam bahagian pilihan raya yang baginya dia dilantik dan berakhir apabila tamat hari sebelum hari mengundi;

“writ” ertinya writ bagi pilihan raya yang dikeluarkan di bawah seksyen 12 Akta Pilihanraya 1958 [*Akta 19*];

“Datuk Bandar” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan jawatan Datuk Bandar Majlis Bandaraya secara sah di sisi undang-undang.

## BAHAGIAN II

### PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA

#### Larangan ke atas pameran iklan pilihan raya

4. Tiada seorang pun boleh mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan pilihan raya termasuklah membuat hebahan berbentuk elektronik, sistem siar raya, pembesar suara atau menggunakan apa-apa alat muzik, di mana-mana lebuh atau tempat kecuali di bawah dan menurut permit yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar.

#### Permohonan untuk permit

5. (1) Permohonan untuk permit pameran apa-apa iklan pilihan raya hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar —

- (a) oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam bahagian pilihan raya berkenaan; atau
- (b) jika orang yang akan bertanding dalam pilihan raya itu tidak mempunyai gabungan politik, oleh orang itu sendiri.

(2) Sesuatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah disertakan dengan bayaran deposit sebanyak dua ribu ringgit dalam hal suatu pemilihan ke Dewan Rakyat dan satu ribu ringgit dalam satu hal bagi pemilihan ke Dewan Undangan Negeri bagi pematuhan syarat permit dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Datuk Bandar hendaklah melampirkan, pada mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah perenggan (2), apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan.

(4) Pemegang permit hendaklah mematuhi segala syarat yang dilampirkan pada permit itu.

### **Bentuk dan jangka masa permit**

6. Suatu permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 5 hendaklah dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan hendaklah berkuat kuasa bagi sepanjang tempoh berkempen, sehingga berakhir tempohnya pada empat belas hari selepas hari mengundi.

### **Daftar permit**

7. Datuk Bandar hendaklah menyebabkan disimpan dan disenggarakan dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditentukannya, suatu daftar bagi segala permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 5.

### **Pengalihan iklan pilihan raya selepas hari mengundi**

8. Setiap pemegang permit hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas hari mengundi, mengalihkan segala iklan pilihan raya yang dipamerkan dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan olehnya bagi maksud mempamerkan iklan pilihan raya.

### **Pengalihan iklan pilihan raya oleh Datuk Bandar**

9. (1) Datuk Bandar boleh mengalihkan apa-apa iklan pilihan raya atau apa-apa papan tanda atau struktur lain yang didirikan bagi maksud mempamerkan iklan pilihan raya itu jika—

(a) pemegang permit gagal mematuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 8; atau

(b) Datuk Bandar berpuas hati bahawa iklan pilihan raya itu dipamerkan tanpa permit.

(2) Segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis dalam menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Majlis oleh pemegang permit atau, jika iklan pilihan raya itu dipamerkan tanpa permit, oleh orang yang menyebabkan iklan pilihan raya itu dipamerkan sedemikian dan hendaklah didapatkan kembali dalam mahkamah dengan sewajarnya.

### **Pelucuthakan deposit**

10. (1) Tanpa menjaskan peruntukan lain dalam Undang-Undang Kecil ini, jika—

(a) terdapat suatu pelanggaran apa-apa syarat permit; atau

(b) terdapat apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini,

Majlis hendaklah melucuthakan deposit yang dibayar di bawah undang-undang kecil 5 jika, selepas memberikan pemegang permit suatu peluang untuk didengar, dia gagal memuaskan hati Majlis tentang kenapa deposit itu tidak sepatutnya dilucuthakkan.

(2) Apa-apa deposit yang tidak dilucutkan di bawah perenggan (1) hendaklah dikembalikan kepada pemegang permit tanpa apa-apa faedah selepas empat belas hari dari masa habisnya tempoh permit.

**Cara mempamerkan iklan pilihan raya**

11. Sesuatu iklan pilihan raya hendaklah dipamerkan mengikut mana-mana cara yang berikut—

- (a) dengan melekatkan pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit;
- (b) dengan menggantungkan iklan pilihan raya itu sepanjang mana-mana lebuh pada pancang yang didirikan oleh pemegang permit;
- (c) dengan menanam penopang iklan pilihan raya itu ke dalam mana-mana paras tanah selain laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima; atau
- (d) dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Bandar dalam permit.

**Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihan raya di tempat tertentu**

12. Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Undang-Undang Kecil ini, tiada seorang pun boleh—

- (a) mempamerkan apa-apa iklan pilihan raya atau membina atau mendirikan apa-apa papan tanda atau struktur lain mengikut apa-apa cara sehingga ia meliputi atau melindungi apa-apa isyarat lalu lintas, tanda arahan, lampu jalan atau lampu perhiasan;
- (b) mempamerkan apa-apa iklan pilihan raya atas atau merintangi mana-mana lebuh; atau
- (c) mempamerkan apa-apa iklan pilihan raya pada mana-mana bangunan awam atau struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat lain, atau dengan apa-apa cara lain yang akan merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu.

**BAHAGIAN III**

**PENGUATKUASAAN**

**Kuasa penangkapan**

13. (1) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

- (a) yang semunasabinya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

- (b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.
- (2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediumannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.
- (3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.
- Kuasa menyita**
14. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.
- (2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.
- (3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima tiga puluh hari dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.
- (4) Sekiranya, tiada apa-apa tuntutan dibuat selepas tempoh tiga puluh hari hari luput, Majlis bolehlah melupuskan benda atau barang itu mengikut cara yang ditentukan Majlis dan apa-apa hasil yang diperoleh hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.
- (5) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa itu tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah undang-undang kecil ini.

**Penalti am**

15. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

**Pendakwaan**

16. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

**Pengkompaunan kesalahan**

17. (1) Datuk Bandar, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

**Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini**

18. Tiada apa-apa juu yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

**Pembatalan dan peruntukan peralihan**

19. (1) Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1990 [Sel. P.U. 39] dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, setakat yang notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen itu selaras dengan Undang-Undang Kecil ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh Undang-Undang kecil ini.

Dibuat oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam mesyuaratnya pada 29 Mei 2007.

MOHAMAD ROSLAN BIN SAKIMAN  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Petaling Jaya*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 4 Julai 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Selangor*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### ELECTION ADVERTISEMENT (PETALING JAYA CITY COUNCIL) BY-LAWS 2007

#### ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

#### PART I

##### PRELIMINARY

###### By-Law

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

#### PART II

##### ELECTION ADVERTISEMENT PERMIT

4. Prohibition on exhibition of election advertisement
5. Application for permit
6. Form and duration of permit
7. Register of permit
8. Removal of election advertisement after polling day
9. Removal of election advertisement by the Mayor
10. Forfeiture of deposit
11. Manner of exhibiting election advertisement
12. Prohibition against exhibiting an election advertisement in certain places

#### PART III

##### ENFORCEMENT

13. Power to arrest
14. Power of seizure
15. General penalty

**By-Law**

16. Prosecution
17. Compounding of offences
18. Powers of police officers under this By-Laws
19. Repeal and transitional provision

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

ELECTION ADVERTISEMENT (PETALING JAYA CITY COUNCIL) BY-LAWS 2007

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Petaling Jaya City Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

**Citation and commencement**

1. (1) This By-Laws may be cited as the **Election Advertisement (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007**.
- (2) This By-Laws comes into operation on 19 July 2007.

**Application**

2. This By-Laws shall apply only to the area administered by the Petaling Jaya City Council.

**Interpretation**

3. In this By-Laws, unless the context otherwise requires—

“polling day” in relation to an election, means the period which may extend over one or more days, commencing from the commencement of the day on which the taking of polls in that election is scheduled to commence and ending at the time of the declaration by the returning officer of the result of the election;

“election advertisement” includes any advertisement, leaflet, brochure, flag, mural, ensign, banner, standard, poster, placard, handbill, label, any announcement in electronic form, public address system, amplifier, the use of any musical instrument or any forms of temporary bill board exhibited as or for the purpose of political propaganda;

“Council” means the Petaling Jaya City Council;

“political party” has the same meaning as in the Societies Act 1966 [Act 335];

“permit” means a permit to exhibit election advertisements issued under by-law 5;

“election” means an election of a member to the Dewan Rakyat or the Legislative Assembly;

“campaign period” in relation to an election, means the period during which any candidate or his election agent is allowed to hold election campaign in the candidate’s constituency, being the period commencing from the time the returning officer declares that a poll will be taken in the constituency for which he is appointed and ending on the expiration of the day before polling day;

“writ” means a writ for an election issued under section 12 of the Elections Act 1958 [Act 19];

“Mayor” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of Mayor of Petaling Jaya City Council.

## PART II

### ELECTION ADVERTISEMENT PERMIT

#### Prohibition on exhibition of election advertisement

4. No person shall exhibit or cause to be exhibited any election advertisement including making announcement in electronic form, public address system, amplifier, or using any musical instrument in any street or place except under and in accordance with a permit issued by the Mayor.

#### Application for permit

5. (1) Application for a permit to exhibit any election advertisement shall be made to the Mayor—

- (a) by the political party which is desirous of fielding the candidate in the relevant constituency; or
- (b) where the person seeking to contest the election has no political affiliation, by the person himself.

(2) An application under paragraph (1) shall be accompanied by a payment as deposit of a sum of two thousand ringgit in relation to election to Dewan Rakyat and one thousand ringgit in relation to election to the Legislative Assembly for the observance of the conditions of the permit and the provisions of this By-Laws.

(3) The Mayor shall attach to any permit issued under paragraph (2), such conditions as he may think fit to impose.

(4) The permit holder shall comply with all the conditions attached to the permit.

**Form and duration of permit**

6. A permit issued under by-law 5 shall be in such form as the Mayor may determine and shall be in force for the duration of the campaign period, until the expiry of fourteen days after the polling day.

**Register of permit**

7. The Mayor shall cause to be kept and maintained in such form and manner as he may determine, a register of all permits issued under by-law 5.

**Removal of election advertisement after polling day**

8. Every permit holder shall, within fourteen days after the polling day, remove all election advertisements exhibited, and all bill boards or other structures erected for the purpose of exhibiting such election advertisement by him.

**Removal of election advertisement by the Mayor**

9. (1) The Mayor may remove any election advertisement or any bill board or other structure erected for the purpose of exhibiting such election advertisement if—

(a) the permit holder fails to comply with the requirements of by-law 8; or

(b) the Mayor is satisfied that such election advertisement is exhibited without a permit.

(2) All expenses incurred by the Council in carrying out the powers conferred by paragraph (1) shall be deemed to be a debt due to the Council by the permit holder or, if the election advertisement is exhibited without a permit, from the person who caused the election advertisement to be so exhibited and shall be recovered accordingly in court.

**Forfeiture of deposit**

10. (1) Without prejudice to the other provisions of this By-Laws, where—

- (a) there is a breach of any condition of the permit; or
- (b) there is any contravention of or non-compliance with any of the provisions of this By-Laws,

the Council shall forfeit the deposit paid under by-law 5 if, after giving the permit holder an opportunity of being heard, he failed to satisfy the Council as to why the same should not be forfeited.

(2) Any deposit which is not forfeited under paragraph (1) shall be refunded to the permit holder without any interest after fourteen days from the expiry of the permit.

**Manner of exhibiting election advertisement**

11. An election advertisement shall be exhibited in any of the following manner:

- (a) by affixing it on a bill board or other structure erected or placed by the permit holder;
- (b) by hanging it along any street, on poles erected by the permit holder;
- (c) by planting a support for the election advertisement into any ground other than paved footway or pavement; or
- (d) by such other manner as the Mayor may specify in the permit;

**Prohibition against exhibiting an election advertisement in certain places**

12. Notwithstanding any other provision in this By-Laws, no person shall—

- (a) exhibit any election advertisement or construct or erect any bill board or other structure in such manner that it covers or conceals any traffic sign, directive sign, street light or decorative light;
- (b) exhibit any election advertisement on or across any street; or
- (c) exhibit any election advertisement on any public building or other structure by means of any nail, gum or other adhesives, or by any other means that will damage or disfigure the surface of such building or structure.

## PART III

## ENFORCEMENT

**Power to arrest**

13. (1) The Mayor or any authorized officer may arrest without warrant any person—

- (a) whom he reasonably believes to have committed an offence under this By-Laws; or
- (b) who refuses to give his name and address when it is requested for or if there is reason to doubt the accuracy of the name and the address given.

(2) A person arrested under this by-law shall be taken to a police station and shall be brought before a Magistrate within twenty-four hours, unless before that time his true name and address are ascertained, in which case such person shall be forthwith released on his executing a bond for his appearance before a Magistrate if so required.

(3) When any such person is taken before a Magistrate, such Magistrate may either require him to execute a bond, with or without a surety, for his appearance before a Magistrate if so required, or may order him to be detained in custody until he can be tried.

**Power of seizure**

14. (1) Any authorized officer may seize or remove any things or goods in contravention of this By-Laws with the risk to be borne by the owner.

(2) Where any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to cause hazard to the public, the authorized officer may direct that such things or goods may be disposed of in any manner as determined by the Council.

(3) Any person who claims any thing or goods other than things or goods disposed under paragraph (2) above, may claim such things or goods from the Council within a minimum period of seven working days or a maximum period of thirty days from the date of such things or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the Council.

(4) If there is no claim made after the period of thirty days expires, the Council may dispose such things or goods according to the manner determined by the Council and any revenue received shall be credited to the Local Authority Fund.

(5) The Mayor or any authorized officer shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality of any things or goods seized under this by-law.

#### **General penalty**

15. A person who commits an offence under this By-Laws for which no penalty is expressly provided shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day the offence continues to be committed.

#### **Prosecution**

16. No prosecution shall be instituted for an offence under this By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

#### **Compounding of offences**

17. (1) The Mayor, the Secretary or the Legal Officer of the Council may compound any offence committed by any person under this By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of money not exceeding one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offer has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the Mayor, the Secretary or the Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and any thing seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All moneys received under this by-law shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

**Powers of police officers under this By-Laws**

18. Nothing contained in this By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate into any offence under this By-Laws.

**Repeal and transitional provision**

19. (1) Election Advertisement (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 1990 [Sel. P.U. 39] is repealed.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall, in so far as the notice, order, compound or document are consistent with this By-Laws, continue to be in force until revoked or repealed by this By-Laws.

Made by the Petaling Jaya City Council in the meeting on 29 May 2007.

MOHAMAD ROSLAN BIN SAKIMAN  
*Mayor*  
*Petaling Jaya City Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 4 July 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR  
*Clerk*  
*State Executive Council*  
*Selangor*